


## LAMPIRAN

Lampiran 1: Inventori Protokol Temu Bual



**UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

جَامِعَةُ الْعُلُومِ الْإِسْلَامِيَّةِ الْمَالِيزِيَّةِ  
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

**TAJUK KAJIAN:  
PENILAIAN MODUL PENGAJARAN MASHAF AL-QURAN  
BRAILLE MALAYSIA**

**INVENTORI PROTOKOL TEMU BUAL  
PENGUBAL MODUL DAN GURU AL-QURAN BRAILLE**

Disediakan Oleh

**ANISAH RAZALI**

**Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah**

**Universiti Sains Islam Malaysia**

## PROTOKOL TEMU BUAL OBJEKTIF 1

Berikut merupakan soalan bagi kajian saya yang bertajuk penilaian kualiti modul pengajaran. Tujuan soalan ini adalah untuk memenuhi keperluan objektif yang pertama iaitu mengenal pasti latar belakang Modul Pengajaran Mashaf al-Quran Braille Malaysia.

PERKARA	SOALAN TEMU BUAL
Latar Belakang Pengubal Modul	Boleh ustaz ceritakan latar belakang ustaz contohnya nama, umur, pendidikan dan pekerjaan?
	Sudah berapa lamakah ustaz melibatkan diri dalam bidang al-Quran Braille?
Latar Belakang Modul	Bagaimana boleh tercetusnya idea untuk membina Modul Pengajaran al-Quran Braille Malaysia?
	Siapakah pakar-pakar yang terlibat dalam penghasilan modul ini?
	Boleh ustaz ceritakan serba sedikit sinopsis modul ini.
Matlamat Modul	Apakah matlamat dan objektif modul yang telah dihasilkan ini?
	Siapakah pengguna bagi modul ini? Adakah ia digunakan guru di sekolah atau di pusat pengajian?
Struktur Kandungan Modul	Apakah strategi, teknik, kaedah dan penekatan yang digunakan dalam penghasilan modul ini?
	Apakah cara yang digunakan dalam penyusunan kandungan modul?
	Apakah faktor-faktor pertimbangan dalam penyusunan setiap topik, subtopik, latihan dan pembinaan latihan?
	Apakah elemen yang diambil/ ditekankan / diperlukan dalam modul ini?
Cabaran	Apakah cabaran dan pengalaman tuan sepanjang membina modul?
	Anggaran berapakah tempoh masa yang diperuntukkan bagi modul ini?

Keistimewaan Modul	Apakah keunikan dan keistimewaan modul pengajaran ini?
	Apakah kebaikan lain yang terdapat dalam modul ini berbanding modul lain di pasaran?
	Bagaimana Modul tersebut membantu dalam pengajaran dan pembelajaran Qur'ān?
	Di manakah pengguna boleh mendapatkan modul tersebut?
Perancangan Modul	Apakah perancangan ustaz dalam masa terdekat dan jangka masa panjang terhadap modul ini?
	Ustaz sebagai pengubal dan pengeluar modul ini, Apakah strategik yang dirancang supaya modul dapat diketengahkan pada semua guru-guru Qur'ān atau digunapakai ke peringkat KPM?
	Adakah modul ini berpotensi di perkenalkan dan dipasarkan ke peringkat nusantara dan dunia?
	Sejauh manakah modul ini dapat bermanfaat oleh komuniti Malaysia dan luar Malaysia sama ada di peringkat asia, nusantara dan dunia.
	Apakah harapan ustaz untuk masa hadapan?
	Boleh ustaz kongsi sedikit pesanan kepada para pengajar dan harapan ustaz.

## INVENTORI PROTOKOL TEMU BUAL OBJEKTIF 2 DAN 3

Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif-objektif kajian seperti berikut:

Bil	Objektif Kajian	Perincian
1	Menilai kualiti Modul Pengajaran Mashaf Al-Quran Braille Malaysia.	a) Menilai kualiti Modul Pengajaran Mashaf Al-Quran Braille Malaysia dari aspek <b>kualiti kandungan modul</b> b) Menilai kualiti Modul Pengajaran Mashaf Al-Quran Braille Malaysia dari aspek <b>potensi keberkesanan modul</b>
2	Menganalisis guru al-Quran di Malaysia terhadap MPQBM.	a) Menganalisis guru al-Quran di Malaysia terhadap MPQBM

PERKARA	SOALAN TEMU BUAL
Latar Belakang Guru	1. Bolehkah ustaz/ustazah ceritakan berkaitan latar belakang yang menyentuh tentang umur, latar belakang pendidikan dan pengalaman mengajar al-Quran Braille?
	2. Berapa lamakah ustaz/ustazah sudah bertugas sebagai seorang guru?
	3. Bolehkah ustaz/ustazah kongsikan cara pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran al-Quran Braille di sekolah?
A. Penilaian Kualiti Kandungan Modul	<b>(1) Objektif Pengajaran al-Quran Braille</b>
	1. Apakah pendapat ustaz/ustazah tentang Modul Pengajaran Mashaf Al-Quran Braille Malaysia (MPQBM) ini? Adakah menarik atau tidak? Jelaskan?
	2. Adakah maklumat MPQBM sesuai dengan objektif pengajaran dan pembelajaran di sekolah?
	3. Pada pandangan ustaz/ustazah, adakah objektif pengajaran yang digariskan ustaz/ustazah di sekolah mampu dicapai melalui bantuan MPQBM dari segi kaedah yang digunakan ?
	<b>(2) Isi kandungan Modul</b>
	1. Apakah pendapat ustaz/ustazah tentang isi kandungan yang disampaikan? adakah isi kandungan modul menepati objektif pengajaran ustaz/ustazah di sekolah?
	2. Pada pendapat ustaz/ustazah, adakah isi kandungan modul ini lengkap dan teratur dari segi langkah pengajaran?
	3. Pada pendapat ustaz/ustazah, adakah isi kandungan modul mengelirukan pengguna dari segi kod rasm, kod dabt dan format penulisan Quran Braille Malaysia?

	4. Pada pendapat ustaz/ustazah, adakah latihan pengukuhan yang disediakan ini lengkap dan sesuai?
B.Potensi Keberkesanan Modul	<b>(1) Kebergunaan</b>
	1. Adakah modul ini dapat meningkatkan kefahaman cikgu berkaitan Penulisan Mashaf al-Quran Braille Malaysia? Jelaskan
	2. Pada pendapat ustaz/ustazah, adakah topik pengajaran yang disediakan sesuai mengikut keperluan cikgu?
	3. Pada pendapat ustaz/ustazah, adakah aktiviti dalam modul membolehkan murid menguasai isi kandungan dengan baik ?
	4. Adakah latihan-latihan yang disediakan membantu ustaz/ustazah memahami tajuk-tajuk dalam pembelajaran al-Quran?
	<b>(2) Fleksibiliti</b>
	1. Adakah isi kandungan modul sesuai digunakan dalam konteks yang berlainan (contoh di rumah, sekolah, badan-badan kebajikan, negara luar)?
	2. Pada pendapat ustaz/ustazah, adakah isi kandungan modul ini sesuai diguna oleh semua tenaga pengajar dala proses pengajaran (guru berpenglihatan atau guru OKU Penglihatan)?
	3. Adakah modul ini sesuai digunakan oleh guru baru dan guru yang mempunyai kepakaran dalam bidang Quran Braille?
	<b>(3) Persembahan</b>
	1. Adakah skop dan turutan tajuk-tajuk di dalam modul adalah bersesuaian dengan keperluan pengajaran ustaz?
	2. Adakah setiap tajuk dalam modul disusun secara logik dan mempunyai kesinambungan antara satu tajuk dengan tajuk yang lain mengikut susunan pembelajaran?
	3. Adakah istilah yang diguna dalam modul mudah difahami?
4. Adakah terdapat ketidakjelasan ilustrasi (gambar, rajah dan sebagainya) dalam modul ini?	
5. Adakah latihan pengukuhan dinyatakan dengan jelas dalam setiap tajuk pengajaran?	
C. Menganalisis Penerimaan Modul Pengajaran Mashaf Al-Quran Braille	1. Bagaimana penerimaan ustaz/ustazah terhadap modul ini sebagai rujukan pdp?
	2. Apakah kekuatan dan kelemahan modul ini? Sila beri pandangan ustaz/ustazah tentang kekuatan dan kelemahan modul ini?

Malaysia Dalam Kalangan Guru Al-Quran	3. Apakah cadangan ustaz/ustazah untuk penambahbaikan modul ini untuk akan datang.
	4. Adakah ustaz/ustazah akan mengesyorkan modul ini kepada guru dan ibu bapa lain.

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
 جامعة العلوم الإسلامية الماليزية  
 ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

Lampiran 2: Surat Persetujuan Dan Kebenaran Peserta Kajian

PERSETUJUAN DAN KEBENARAN PESERTA KAJIAN

Saya..... ██████████ .....bersetuju untuk memberikan kerjasama dan komitmen dalam kajian bertajuk "Penilaian kualiti Modul Pengajaran Mashaf Al-Quran Braille Malaysia" yang dikendalikan oleh cik Anisah Razali bagi memenuhi keperluan tesis Ijazah Sarjana beliau. Saya bersetuju untuk memberikan kerjasama dan saya juga maklum kajian ini akan melibatkan pengutipan data melalui temu bual sahaja.

Saya juga maklum bahawa kajian temubual tersebut akan dirakamkan. Di samping itu, saya bersetuju untuk membenarkan pengkaji melihat dan meneliti kerja penulisan dan rekod akademik dan lain-lain yang berkaitan dengan saya.

Dalam laporan kajian, nama sebenar saya tidak akan digunakan dan dirahsiakan. Segala apa maklumat yang dikumpul dan ditulis akan saya baca, dan saya mempunyai hak untuk menambah, mengubah, dan membuang apa yang saya fikir tidak benar. Saya juga berhak menarik diri daripada menyertai kajian ini pada bila-bila masa. Sekiranya saya mempunyai soalan, saya akan menghubungi Cik Anisah Razali di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.

Yang benar,

Nama: ██████████

Tandatangan: 

Tarikh: 24/11/2022

Lampiran 3: Contoh Pengesahan Transkripsi Temu Bual Oleh Peserta Kajian


**PENGESAHAN DATA TEMU BUAL OLEH PESERTA KAJIAN TERHADAP DATA  
TEMU BUAL**

Saya dengan ini bersetuju dan mengesahkan bahawa data teks perbualan ini seperti yang dilaksanakan oleh pengkaji seperti tarikh dan tempat yang dinyatakan dengan

(Tandakan ( ) di kotak yang berkenaan

Tanpa pembetulan dan tambahan	<input checked="" type="checkbox"/>
Sedikit pembetulan dan tambahan	<input type="checkbox"/>
Pembetulan dan tambahan yang besar	<input type="checkbox"/>

**Yang Benar**  
(Sila tandatangan di atas garisan)

  
-----

Nama: ██████████

Kad Pengenalan: 67 ██████████

Tarikh: 24/11/2022

Lampiran 4: Contoh Transkripsi Temu Bual

Peserta Kajian Pertama

(Halaman 1-2 sahaja daripada 10 halaman transkripsi temu bual)

Pengkaji	Ceritakan latar belakang cikgu seperti nama, umur, pengalaman mengajar Quran Braille?
Peserta kajian	Nama saya Noor Hayati bt Salleh. Berumur 48 tahun. Seorang guru Pendidikan Islam dan Bahasa Arab di Program Pendidikan Khas Masalah Penglihatan (PPKIP) SK Jabi. Pengalaman saya mengajar Al-Quran Braille bermula tahun 2019 hingga sekarang. Sebelum itu, saya mengajar di sekolah murid-murid sekolah kebangsaan.
Pengkaji	Bolehkah cikgu kongsi cara pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran al-Quran Braille di sekolah sekarang ini?
Peserta kajian	Al-quran Braille mengandungi banyak jilid berbanding al-Quran cetakan biasa. Oleh itu, di kelas saya akan menyusun mengikut susunan nombor jilid bermula dari jilid satu. Semasa pengajaran dan pembelajaran Al-Quran murid yang menggunakan al-Quran Braille akan membaca dan guru akan menyemak iaitu secara <i>talaqqi mushāfahah</i> . Disamping itu guru akan menyelit soalan tajwid berdasarkan ayat yang dibaca.
Pengkaji	Apakah pendapat cikgu tentang Modul Pengajaran Al-Quran Braille Malaysia ini? Adakah menarik atau tidak? Jelaskan?
Peserta kajian	Modul pengajaran Al-Quran Braille ini amat menarik dan berguna sebagai panduan untuk guru dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran Braille. Selain untuk guru ia juga berfaedah kepada individu dewasa yang lain seperti ibu bapa yang mempunyai anak bermasalah penglihatan. Simbol titik braille yang berwarna menjadi mudah untuk guru membezakan tanda-tanda bacaan dalam al-quran.
Pengkaji	Melihat kepada isi kandungan modul, adakah setiap tajuk dalam modul disusun secara logik dan mempunyai kesinambungan antara satu tajuk dengan tajuk yang lain?
Peserta kajian	Isi kandungan yang terdapat dalam modul ini disusun secara logik dan mempunyai kesinambungan dengan satu tajuk dengan tajuk yang lain.

	Iaitu ia bermula dengan penceritaan sejarah al-Quran itu sendiri sehingga bagaimana al-Quran braille bermula dicetak. Isi kandungannya amat mudah difahami pembaca kerana ia berakhir dengan bagaimana cara pembaca memahami pembahagian jilid mengikut mukasurat al-quran bercetak.
Pengkaji	Pada pendapat cikgu, adakah topik pengajaran yang disediakan sesuai mengikut keperluan cikgu?
Peserta kajian	Pada pendapat saya, modul ini sesuai dijadikan panduan untuk guru mengajar murid yang menggunakan al-Quran Braille.
Pengkaji	Adakah istilah yang diguna dalam modul ini mudah difahami?
Peserta kajian	Istilah yang digunakan dalam modul amat mudah difahami guru dalam pengajaran.
Pengkaji	Adakah terdapat ketidakjelasan ilustrasi seperti gambar, rajah dan sebagainya dalam modul ini? Jika ada nyatakan.
Peserta kajian	Pada pendapat saya isi kandungan modul amat jelas sebagai panduan guru untuk mengajar murid-murid yang bermasalah penglihatan.
Pengkaji	Pada pendapat cikgu, adakah isi kandungan modul mengelirukan pengguna dari segi kod rasm, kod dabt dan format penulisan Quran Braille Malaysia?
Peserta kajian	Pada pendapat saya, isi kandungan yang terdapat dalam modul ini tidak mengelirukan pembaca.
Pengkaji	Adakah modul ini dapat meningkatkan kefahaman cikgu berkaitan Penulisan Mashaf al-Quran Braille Malaysia? Jelaskan.
Peserta kajian	Modul ini dapat meningkatkan kefahaman saya dalam pengajaran al-Quran Braille. Ini kerana modul ini lengkap dengan penerangan tentang titik braille asas sehingga kepada pembahagian jilid, juzuk, hizb dan sebagainya yang berkaitan tentang al-Quran. Saya sebagai guru dapat mempelajari al-Quran Braille dan membaca tulisan braille dengan mudah.

Lampiran 5: Surat Lantikan Pakar (Interater)

Anisah Razali  
No 7, Jalan PP 2/20,  
Taman Putra Perdana,  
47130 Puchong, Selangor.  
017-6562420 anisahrazali40@gmail.com

13 Februari 2023

Melalui  
Prof Madya Dr Noornajihan Jaafar  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,  
Universiti Sains Islam Malaysia.

[REDACTED]  
[REDACTED]  
[REDACTED]

**PELANTIKAN PAKAR PENILAI TERHADAP DATA KUALITATIF**

Perkara di atas adalah dirujuk. Dengan ini saya berbesar hati untuk melantik pihak Y.Bhg. Dr. sebagai panel pakar penilai terhadap data kualitatif bagi kajian penyelidikan saya yang bertajuk “Penilaian Kualiti Modul Pengajaran Mashaf al-Quran Braille Malaysia”.

2. Pusingan ini melibatkan penilaian dan pengesahan tema temu bual yang telah dijalankan. Diharapkan Y.Bhg. Dr. dapat menyumbang kepakaran dan pengalaman dalam bidang yang berkaitan. Seterusnya dapat menghasilkan penyelidikan yang lebih signifikan dan relevan. Bersama-sama ini dilampirkan borang jawapan sebagai maklum balas daripada pihak Y.Bhg. Dr.

Segala sumbangan dan sokongan dalam menjayakan penyelidikan ini amat dihargai. Moga-moga dikategorikan Allah sebagai ilmu bermanfaat, amal jariah berpanjangan serta memberi impak berharga untuk dunia Pendidikan Islam keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.


Yang benar,

(ANISAH RAZALI)

Lampiran 6: Borang Pengesahan Pakar

**BORANG PENGESAHAN PAKAR**

**PERSETUJUAN PAKAR TERHADAP TEMA KUALITATIF**




**USIM**

TAJUK KAJIAN  
**PENILAIAN KUALITI MODUL PENGAJARAN MASHAF AL-QURAN MALAYSIA.**

NAMA : Dr Nurul Asiah Fasehah Binti Muhamad

JAWATAN : Pensyarah Kanan

PENGGHUSUSAN : Pendidikan Islam

TANDATANGAN : 

COP RASMI :

## OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

BIL.	PERSOALAN KAJIAN	OBJEKTIF KAJIAN
1	Bagaimanakah kualiti Modul Pengajaran Mashaf al-Quran Braille Malaysia?	Menilai kualiti Modul Pengajaran Mashaf al-Quran Braille Malaysia.
2	Bagaimanakah penerimaan Modul Pengajaran Mashaf al-Quran Braille Malaysia dalam kalangan guru al-Quran?	Menganalisis penerimaan guru al-Quran di Malaysia terhadap Modul Pengajaran Mashaf al-Quran Braille Malaysia.

2 elemen yang akan dilihat bagi menjawab persoalan kajian 1 diatas iaitu kualiti kandungan modul dan potensi keberkesanan

	Kategori	Tema	Subtema
<p style="text-align: center;"><b>Persoalan 1</b></p> <p>Bagaimanakah kualiti Modul Pengajaran Mashaf Al-Quran Braille Malaysia?</p>	C) Kualiti kandungan modul	Objektif pengajaran	Menepati objektif pengajaran.
		Isi kandungan modul	3. Jelas dan menarik
			4. Soalan penilaian mencukupi dan baik
	Kebergunaan	5. Sumber rujukan	
		6. Meningkatkan kefahaman	
		7. Mengingat kod Braille	
	D) Potensi keberkesanan	Fleksibiliti	3. Kepelbagaian lapisan pengguna
			4. Kepelbagaian latar belakang penguasaan pengguna
		Persembahan	7. Susunan teratur
	8. Penggunaan istilah		
9. Ilustrasi			

### A. KUALITI MODUL

Kualiti modul yang dikaji merangkumi 2 tema iaitu objektif pengajaran dan isi kandungan modul.

Bil	Contoh petikan data terhadap tema yang telah dibina	Persetujuan pakar (Tanda / dan komen jika ada)			
		Setuju	Tidak setuju	Komen	
<b>1) Kualiti Kandungan dari Aspek Objektif Pengajaran</b>					
1.	Menepati objektif pengajaran	PK1: "Sangat membantu dan menepati objektif pengajaran saya. Setakat ni topik pengajaran yang disediakan memang sesuai dalam PdP saya. Saya faham ok dah ni. Ia menepati dan sangat membantu saya dalam pengajaran".			
		PK3: "Isi kandungan yang terdapat dalam modul ini menepati objektif pengajaran al-Quran di sekolah bermasalah penglihatan dan memudahkan murid memahami simbol Braille seterusnya dapat membaca al-Quran dengan betul dan lancar".			
		PK4: "Insha Allah ia sangat menepati objektif pengajaran saya dan berguna untuk orang buta yang kanak-kanak dan dewasa jika ia diaplikasikan secara menyeluruh".			
		PK5: "Modul ini membantu dalam mencapai objektif pengajaran saya. Oleh kerana saya mengajar sekolah rendah, tak adalah tinggi sangat berkaitan tajwid-tajwid. Kalau dekat sekolah rendah ni banyak kepada kenalkan huruf dan baris-baris. Bagi mereka boleh baca dulu... Modul ni sesuai mengikut sukatan dan objektif pengajaran yang nak diajar. Mungkin tak semua disentuh dalam modul ni untuk diajar. Tapi untuk bahan rujukan sangat bagus dan sesua... Modul ni juga membantu memudahkan untuk saya mengajar kepada murid-murid".			


		<p>PK6: "Isi kandungan dia ni ok. Dia memang asas dan untuk mengajar murid-murid pun menggunakan ini juga. Saya ambil untuk tahap 1 sahaja, kita memang dalam Pendidikan Islam kita memang ada tajuk-tajuk ni dalam pembelajaran murid. Kalau tengok kat sini, topik 1 dan 2 ok jelas. Tapi saya lebih suka tekankan topik 3 dan 4. Sebab tu 'main' untuk pengajaran murid nanti. Kita nak dia menguasai dulu. Kalau tengok dekat subtopik dia, huruf hijaiyyah, huruf tambahan, tanda baris, bacaan mad dan lain-lain tu ok. Memang ada dalam buku teks silibus pun ada dan kalau dia baca Quran pun ada. Dengan ada modul ni saya terus aplikasikan dalam kelas. Buku teks pun baru sampai, jadi bahan pun ada. Jadi terus kita ajar mereka".</p>			
<p><b>2) Kualiti Kandungan dari Aspek Isi Kandungan Modul</b> Terdapat dua subtema yang telah dikenalpasti untuk melihat kualiti kandungan dari tema isi kandungan modul iaitu</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jelas dan menarik.</li> <li>2. Soalan penilaian mencukupi dan baik.</li> </ol>					
1.	Jelas dan menarik.	<p>PK1: "Kandungan modul ni menarik dan lagi berkesan. Apabila baca buku ni mudah faham..."</p> <p>PK2: "Maklumat dalam ni besertakan contoh nampak bagus dan menarik..."</p> <p>PK3: "Pada pendapat saya isi kandungan modul amat jelas sebagai panduan guru untuk mengajar murid-murid yang bermasalah penglihatan. Isi kandungan yang terdapat dalam modul ini tidak mengelirukan pembaca. Isi kandungannya amat mudah difahami pembaca"</p> <p>PK5: "Kandungan dalam modul ni mudah nak 'follow step-step' dia. Jelas dan boleh faham..."</p> <p>PK6: "Merujuk modul ni, bagi saya ok menarik. Sangat mudah untuk saya faham. Isi kandungannya ada 5 topik</p>	/		

## B. POTENSI KEBERKESANAN MODUL

Potensi keberkesanan modul yang dikaji merangkumi 3 tema iaitu aspek kebergunaan, fleksibiliti dan persembahan.

Bil	Tema	Contoh petikan data terhadap tema yang telah dibina	Persetujuan pakar (Tanda /) dan komen jika ada		
			Setuju	Tidak Setuju	Komen
<p><b>1) Penilaian Potensi Keberkesanan Modul dari Aspek Kebergunaan</b>            Terdapat tiga subtema yang telah dikenalpasti untuk melihat potensi keberkesanan modul dari aspek kebergunaan iaitu</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sumber rujukan</li> <li>2. Meningkatkan kefahaman</li> <li>3. Mengingat kod Braille</li> </ol>					
1.	Sumber rujukan	PK1: "Bila ada modul ni, lebih faham, sebab boleh baca, ada contoh dan soalan. Jadi senang untuk kita rujuk. Memang tepatlah buku ni. Boleh buat panduan dalam pengajaran... Kalau kita bagi penerangan je, ia tak ingat lama. Sebab dia nak rujuk tak boleh. Kalau nak tahu apa-apa yang berkaitan, boleh rujuk modul ni".	/		
		R3: "Pada pendapat saya, modul ini sesuai dijadikan panduan untuk guru mengajar murid yang menggunakan al-Quran Braille.."			
		PK4: "Tajuknya amat bersesuaian dan sangat membantu untuk orang yang menggunakannya sepenuhnya untuk rujukan."	/		
		PK5: "...memberi panduan kepada kita yang pengguna Braille untuk nak mengetahui penulisan mashaf Quran Braille yang baru ni... Sebelum ni tak ada buku panduan macam ni.	/		
		PK6: "...dalam PAI tahun 2 dan tahun 3, dia ada bahagian tajwid dengan al-Quran dalam tu, apa yang ada dalam modul ni memang ada dalam sub topik pembelajaran murid-murid. Ia memudahkan cikgu juga.... Kita nak	/		

Lampiran 7: Contoh Network View Daripada Atlas.Ti



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
 جامعة العلوم الإسلامية  
 ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA